

23/05/2005

Mahathir-Israel

ISRAEL TAKUT KEKEJAMAN TERBONGKAR, KATA DR MAHATHIR

MELAKA, 23 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Israel sengaja menghalang beliau daripada memasuki Baitulmaqdis dan bandar Jenin di Tebing Barat bagi mengelakkan terbongkarnya kekejaman rejim Zionis terhadap penduduk Palestin.

Bekas Perdana Menteri berkata hajat beliau untuk melawat Baitulmaqdis dan Jenin tidak kesampaian kerana Israel berkuasa di seluruh Palestin.

"Jenin tempat yang Israel rosakan, bunuh banyak orang, dia (Israel) tak nak saya pergi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Israel menghalang beliau daripada memasuki Baitulmaqdis semasa beliau mengadakan lawatan ke Tebing Barat 16 Mei lepas.

Beliau telah dilengahkan selama beberapa jam di pusat menyeberang sempadan Allenby dari Jordan ke Tebing Barat dan dihalang memasuki Baitulmaqdis dan melawat Jenin.

-- LAGI

Mahathir-Israel 2 Melaka

Pihak berkuasa Israel yang masih menguasai pintu masuk ke bandar-bandar tebing barat dan turut mengawal sempadan ke Jordan memberitahu mereka tidak menerima pemberitahuan awal mengenai ketibaan Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata alasan bahawa Israel tidak menerima sebarang permintaan daripada beliau untuk lawatan itu adalah bohong kerana beliau telah memaklumkan mengenai lawatannya dua minggu lebih awal.

Katanya pegawai Israel sengaja melengahkan beliau daripada menyeberangi sempadan dengan memproses dokumen perjalanan beliau hingga memakan masa dua jam setengah.

"Jadi bila saya sampai di sempadan di situ, pegawai-pegawai Israel proses dokumen perjalanan saya sampai dua jam setengah, nak banding tengok gambar-gambar saya dan bermacam-macam lagi, supaya saya lambat, apabila saya lambat saya tak boleh pergi ke Jenin kerana saya kena balik sebelum enam petang sebelum pintu sempadan ditutup," katanya.

Beliau berkata oleh kerana tidak dapat ke Jenin, beliau mahu pergi ke Baitulmaqdis tetapi dalam perjalanan dari sempadan hingga ke Ramallah tiba-tiba mendapat panggilan telefon mengatakan tidak boleh pergi ke Baitulmaqdis kononnya ada masalah keselamatan.

-- LAGI

Mahathir-Israel 3 (Akhir) Melaka

"Jadi dia (Israel) bagi tau lambat dah, tak boleh urus dan nak buat apa lagi," katanya yang hanya sempat singgah di Ramallah.

Dr Mahathir berkata rancangan asal beliau adalah untuk melawat Baitulmaqdis, Jenin, sembahyang di Masjid Al-Aqsa dan melihat kubah emas di masjid itu.

"Saya dapat tengoklah kubah yang disalut dengan emas dari satu bukit di atas sebuah rumah, dapatlah lihat Baitulmaqdis dari jauh, tak bolehlah sembahyang di Masjid Al Aqsa," katanya.

Beliau berkata Israel memang zalim kerana mereka telah memisahkan

keluarga Palestin dengan membina benteng di tengah-tengah kampung manakala tanah-tanah kosong pula dirampas.

"Mereka sombong, dia bina benteng 30 kaki (9.12 meter) bukan sekat Israel daripada Palestin...tidak, dalam Palestin dia buat hingga terpisah keluarga Palestin, ada setengah keluarga terpisah sebelah sana, bila nak berjumpa kena berjalan jauh melalui pusat pemeriksaan, dulu mereka dalam satu kampung," katanya.

-- BERNAMA

BD RHM